

Najib setuju TIA diambil alih Kerajaan Persekutuan

Saksi mengaku agak kelam kabut,
cuba dapat penjelasan Jho Low

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan
Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Pengambil alihan Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) yang kemudiam dinamakan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) oleh Kerajaan Persekutuan dipersetujui bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ahli perniagaan kontroversi yang menjadi buruan pihak berkuasa, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low, memaklumkan mengenai persetujuan Najib kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Shahrol Azral memberikan keterangan itu ketika dirujuk dengan surat dikemukakan kepadanya oleh Najib yang menyokong pengambil alihan TIA oleh Kerajaan Persekutuan bertarikh 25 Jun 2009.

Saksi pendakwaan kesembi-

lan yang disoal peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah menjelaskan, pada ketika itu beliau agak kelam kabut dan cuba mendapatkan penjelasan daripada Jho Low apa yang dimahukan Najib.

Bagaimanapun menurut saksi itu, Jho Low sebelum itu sudah memberitahunya bahawa Najib sudah bersetuju dengan transformasi TIA kepada 1MDB.

Muhammad Shafee mencahkan kepada saksi, bahawa sebelum surat itu dikeluarkan, tiada Kertas Kabinet atau sebarang dokumen yang menunjukkan keputusan bertulis Perdana Menteri atau Kabinet yang mahukan TIA diambil alih Kerajaan Persekutuan.

Shahrol Azral menjawab, pada ketika itu beliau tidak mengetahui apa-apa mengenai keputusan Kabinet.

“Yang Arif, sekali lagi ini adalah konsisten dengan maklumat yang diberikan kepada kami dan

dengan apa yang kami diarahkan untuk lakukan.

“Sebagai contoh, dokumen keputusan Kabinet mengenai TIA tidak pernah sampai kepada kami melalui saluran rasmi. Sepatutnya, proses normal ialah akan ada mesyuarat pasca Kabinet dan sudah tentu CEO TIA akan dijemput hadir.

“Tetapi ia tidak pernah berlaku,” katanya.

Sementara itu, mahkamah diberitahu bahawa TIA mengemukakan surat kepada Najib untuk mengadu kerana ‘dibuli’ oleh Menteri Besar (Terengganu) Diperbadankan (MBI).

Ita dibuat berikutan MBI menyatakan rasa tidak puas hati kerana tiada wakil yang mencukupi dalam Lembaga Pengarah TIA.

Surat aduan TIA itu di draf bersama oleh Shahrol Azral yang juga selaku CEO TIA dan Jho Low.

Menjelaskan lanjut perkara

itu, Shahrol Azral berkata, idea (menulis surat) itu datang daripada Jho Low sendiri yang menasihatkan supaya meletakkan ‘hitam putih’ (merekodkan) semua apa yang berlaku mengikut resolusi yang diputuskan.

Menurutnya lagi, sepanjang tempoh konflik (antara TIA dan MBI) Jho Low menyampaikan kepadanya semua arahan dan nasihat Najib.

Pada isu lain, Shahrol Azral mendedahkan kepada mahkamah bahawa Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif LVMH Moët Hennesy-Louis Vuitton SE, Bernard Arnault dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah TIA atas persetujuan Najib.

LVMH adalah syarikat barangan mewah terbesar dunia dan Arnault adalah antara lelaki terkaya di Eropah. Beliau juga seorang pelabur dan pengumpul barangan seni.

Mengikut keterangan Shahrol Azral, pelantikan itu dica-

dangkan Jho Low yang sudah dipersetujui Najib.

“Nama (Arnault) datang daripada Jho Low, dia cakap Najib dah setuju. Dia (Jho Low) beritahu saya ketika meneliti proses menandatangani surat pelantikan dan pengesahan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah,” katanya.

Menjawab soalan Muhammad Shafee sama ada beliau mengesahkan perkara itu dengan Najib, Shahrol Azral menjawab, “Tidak.”

Disoal Muhammad Shafee bahawa beliau tidak mengesahkan perkara itu kerana percaya kepada Jho Low, saksi menjawab: “Kerana apa yang diarahkan dan tindakan oleh Jho Low adalah terbukti konsisten dengan arahan Najib.”

Ditanya lagi sama ada asas beliau menerima kata-kata Jho Low adalah kerana percaya dengan ahli perniagaan itu, Shahrol Azral menjawab, “Ya.”



Najib tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)